**PANDUAN PENYEDIAAN DOKUMEN PERMOHONAN PERCERAIAN DI BAWAH SEKSYEN 47 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**

---

1. Dokumen ini adalah contoh penyediaan Pemohonan, Affidavit dan Saman bagi kes permohonan perceraian di bawah peruntukan Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003.

2. Pemohon perlu mengisi maklumat di ruang kosong mengikut contoh dan panduan yang telah disediakan.

3. **Pemohon** adalah pihak yang berhasrat memfailkan permohonan. Manakala **Responden** adalah pihak lawannya. Sekiranya Isteri berhasrat memfailkan perceraian, maka isteri diistilahkan sebagai Pemohon dan suami diistilahkan sebagai Responden. Jika suami berhasrat memfailkan perceraian, maka suami diistilahkan sebagai Pemohon dan isteri diistilahkan sebagai Responden.

4. Dokumen hendaklah disediakan dalam saiz **A4** (POTRAIT) dan dibuat dalam **3 salinan bercetak.**

5. Jenis tulisan hendaklah menggunakan **Times New Roman / Arial** bersaiz **12**.

6. Setiap baris hendaklah berselang **1.5 spacing.**

7. Setiap perenggan hendaklah dinomborkan mengikut turutan.

8. Permohonan dan Afidavit hendaklah disediakan secara ringkas, tepat dan padat.

9. Bagi perenggan yang ada bertanda 1 bintang ( * ), Pemohon hendaklah **memilih salah satu** dari dua pilihan di antara tanda palang ( ___/____ ).

10. Bagi ayat yang bertanda 2 bintang ( ** ), Pemohon hanya perlu mengisinya jika berkaitan sahaja.

11. Bagi penyediaan Afidavit, hendaklah diikrarkan dan ditandatangani di hadapan Hakim/Pendaftar.

12. Sebarang pertanyaan bolehlah merujuk dan menghubungi Mahkamah Syariah yang berhampiran dengan anda.

13. Dokumen yang perlu diisi dan disediakan adalah sebagaimana berikut:
    - 13.1. Surat permohonan (**Lampiran 1**)
    - 13.2. Maklumat Pihak Pemohon & Responden (**Lampiran 2**)
    - 13.3. Borang MS 3: Permohonan (**Lampiran 3**)
    - 13.4. Borang MS 26: Afidavit (**Lampiran 4**)

13.5. Borang MS 27: Ekshibit (**Lampiran 5**)

13.6. Saman Seksyen 47(2) (**Lampiran 6**)

13.7. Alamat Mahkamah Syariah seluruh Negeri Johor **( Lampiran 7**)

14. Contoh panduan mengisi dokumen oleh Pemohon adalah sebagaimana contoh dalam bentuk PDF yang perlu dimuat turun. Tulisan berwarna biru diisi oleh pemohon dan ruangan lain hendaklah dikosongkan dan diisi oleh mahkamah.

| LAMPIRAN 1 | PENJELASAN |
|---|---|
| ……(*Nama Pemohon*)……<br>……………………….……..<br>……………………………… | Nama & alamat Pemohon |
| Tarikh: ……………. | Tarikh permohonan dibuat |
| Penolong Pendaftar,<br>Mahkamah Rendah Syariah ………………<br>………………………………………………<br>……………………………………………… | Tempat permohonan dibuat berdasarkan kepada alamat Kad Pengenalan pemohon atau berdasarkan kepada surat akuan mastautin dari Ketua Kampung / Penghulu. Alamat mahkamah sebagaimana di **Lampiran 7** |
| Tuan/Puan,<br><br>**PERMOHONAN PERCERAIAN DI BAWAH SEKSYEN 47 ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI JOHOR) 2003**<br>**…………(Nama Pemohon)………… (NO. KP:000000-00-0000) ...PEMOHON**<br>**…………(Nama Responden)………. (NO. KP:000000-00-0000) ...RESPONDEN** | Nama & No. Kad Pengenalan **Pemohon** & **Responden** |

| LAMPIRAN 1 | PENJELASAN |
| --- | --- |
| Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.<br><br>2. Bersama-sama ini disertakan dokumen-dokumen berikut untuk difailkan bagi tindakan pihak Tuan;<br>2.1. Tiga (3) salinan Notis Permohonan, Afidavit dan Saman,<br>2.2. Bayaran Pendaftaran sebanyak RM………... sahaja. | Jumlah bayaran diisi oleh Mahkamah |
| 3. Segala kerjasama dari pihak Tuan amat dihargai dan diucapkan ribuan terima kasih.<br><br>Yang benar,<br><br>…………………………..<br>(……***Nama Pemohon***……………. ) | Tandatangan dan nama penuh Pemohon |

| LAMPIRAN 2 | PENJELASAN |
|---|---|
| **MAKLUMAT PIHAK PEMOHON** | Maklumat Pemohon hendaklah diisi dengan lengkap |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Nama Pemohon | : | |
| 2. | No. KP / Passport | : | |
| 3. | Tarikh Lahir | : | |
| 4. | Umur | : | |
| 5. | Bangsa | : | |
| 6. | Jantina | : | |
| 7. | Warganegara | : | |
| 8. | Alamat Tempat Tinggal | : | |
| 9. | Tarikh Perkahwinan | : | |
| 10. | Tempat Perkahwinan | : | |
| 11. | Bilangan Anak | : | |
| 12. | Pekerjaan | : | |
| 13. | No. Telefon | : | |

| LAMPIRAN 2 | PENJELASAN |
|---|---|
| **MAKLUMAT PIHAK RESPONDEN** | Maklumat Responden hendaklah diisi dengan lengkap |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 1. | Nama Responden | : | |
| 2. | No. KP / Passport | : | |
| 3. | Tarikh Lahir | : | |
| 4. | Umur | : | |
| 5. | Bangsa | : | |
| 6. | Jantina | : | |
| 7. | Warganegara | : | |
| 8. | Alamat Tempat Tinggal | : | |
| 9. | Tarikh Perkahwinan | : | |
| 10. | Tempat Perkahwinan | : | |
| 11. | Bilangan Anak | : | |
| 12 | Pekerjaan | : | |
| 13. | No. Telefon | : | |

| LAMPIRAN 3 | PENJELASAN |
| --- | --- |
| BORANG MS 3<br>ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003<br>*[Subseksyen 13(1)]*<br><br>**PERMOHONAN** | |
| DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI *....JOHOR BAHRU......*<br>DI NEGERI JOHOR | Daerah tempat permohonan dibuat |
| PERMOHONAN NO. : …*……..0000000000000…………..* | Diisi oleh Mahkamah |
| ANTARA<br>***……NAMA PEMOHON……………………….*** **…PEMOHON**<br>**(No. KP : ……………………….)**<br>DENGAN<br>***………NAMA RESPONDEN…………………….*** **…RESPONDEN**<br>**(No. KP : ……………………….)** | Nama & No. Kad Pengenalan Pemohon & Responden |
| Kepada *…..(Nama Responden)……..*(Responden yang dinamakan di atas) yang beralamat di ………………………………………………………………………………………… | Nama & Alamat Responden |

| LAMPIRAN 3 | PENJELASAN |
|---|---|
| AMBIL PERHATIAN bahawa *…………(Nama Pemohon)…………..* Pemohon yang dinamakan di atas akan memohon kepada Mahkamah Rendah Syariah di ………………………., Johor pada ….. haribulan **…………..** 202…. jam ………..... pagi/petang untuk mendapatkan perintah bahawa; | Nama Pemohon<br><br>Diisi oleh Mahkamah |
| 1. Mahkamah memberi kebenaran kepada Pemohon/Responden untuk bercerai di bawah Seksyen 47 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Johor) 2003;<br><br>2. Mahkamah memberi kebenaran kepada Pemohon/Responden untuk melafazkan cerai terhadap Pemohon/Responden;<br><br>3. Lain-lain relief yang difikirkan patut dan suaimanfaat oleh Mahkamah yang mulia ini sebagai adil dan munasabah atas alasan yang dinyatakan dalam afidavit yang dilampirkan. | |
| Bertarikh pada : ………………………..<br><br>…………………………………<br>Hakim/Pendaftar | Diisi oleh Mahkamah |

| LAMPIRAN 4 | PENJELASAN |
|---|---|
| BORANG MS 26<br>ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003<br>*[Subseksyen 13(1)]*<br><br>**AFIDAVIT** | |
| DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH *........JOHOR BAHRU...............*<br>DI NEGERI JOHOR | Daerah tempat permohonan dibuat |
| PERMOHONAN NO : ................................................ | Diisi oleh Mahkamah |
| ANTARA<br>**............(NAMA PEMOHON).......................** **...PEMOHON**<br>**(No. KP : ............................)**<br>DENGAN<br>**............(NAMA RESPONDEN).....................** **...RESPONDEN**<br>**(No. KP : ............................)** | Nama & No. Kad Pengenalan Pemohon & Responden |
| Saya, ... ... *(nama pemohon)* .................... (No.K/P: 000000-00-0000) yang beralamat di ............................................................................................ bersumpah dan menyatakan seperti yang berikut:- | Nama, No. Kad Pengenalan & alamat Pemohon |

| LAMPIRAN 4 | PENJELASAN |
|---|---|
| 1. Saya adalah Pemohon dalam kes ini merupakan seorang warganegara ………….. dan bermastautin di Daerah …*Johor Bahru*……. dalam Negeri Johor. | Nyatakan warganegara Pemohon<br><br>Nyatakan daerah Pemohon bermastautin |
| (*sesalinan *Kad Pengenalan/ Passport dan **akuan mastatutin di tandakan sebagai ekshibit…….. )* | **Akuan mastatutin dilampirkan sebagai ekshibit jika alamat kad pengenalan Pemohon bukan di daerah Pemohon bermastatutin.<br><br>Nyatakan nombor bilangan Ekshibit yang dilampirkan |
| 2. Responden adalah …………(nama Responden)…………………….. No. K/P……………. …………. beralamat di …………………………………………. merupakan *suami/isteri kepada *Pemohon/Responden | Nyatakan Nama, No. KP & Alamat Responden |
| (*sesalinan Kad Pengenalan/Passport di tandakan sebagai ekshibit…….. )* | Nyatakan nombor bilangan Ekshibit yang dilampirkan |

<table>
<tr><th>LAMPIRAN 4</th><th>PENJELASAN</th></tr>
<tr><td>3. Pemohon telah bernikah dengan Responden pada …(tarikh)… hb …(bulan)… tahun …(tahun nikah)… di ……(tempat nikah)…….. dan telah didaftarkan di Pejabat Agama Daerah …(daerah tempat nikah)…… Negeri …(negeri tempat bernikah)….. dengan bilangan daftar : …(nombor bilangan daftar nikah pada sijil nikah)……..<br>(sesalinan sijil pernikahan ditandakan sebagai ekshibit ………)</td><td>Diisi oleh Pemohon<br><br>Nyatakan nombor bilangan Ekshibit yang dilampirkan</td></tr>
<tr><td>4. *Pemohon/Responden bekerja sebagai ……………… dan memperolehi pendapatan bulanan sebanyak RM …………………..sebulan.<br>(Sesalinan penyata pendapatan suami ditandakan sebagai ekshibit ……… )</td><td>Nyatakan pekerjaan suami dan jumlah pendapatan bulanan suami<br><br>Nyatakan nombor bilangan Ekshibit yang dilampirkan</td></tr>
<tr><td>5. Hasil perkahwinan Pemohon dengan Responden *tidak dikurniakan anak/telah dikurniakan anak seramai ………… orang:<br><table><tr><th>Bil.</th><th>Nama anak & No. Kad Pengenalan</th><th>Umur</th><th>Jantina</th></tr><tr><td>5.1</td><td></td><td></td><td></td></tr><tr><td>5.2</td><td></td><td></td><td></td></tr></table></td><td>Jika dikurniakan anak sepanjang tempoh perkahwinan, nyatakan jumlah bilangan anak<br><br>Nyatakan nama anak, No. KP, umur & jantina anak-anak</td></tr>
</table>

<table>
<tr><th>LAMPIRAN 4</th><th>PENJELASAN</th></tr>
<tr><td>

| | | | |
|---|---|---|---|
| 5.3 | | | |
| 5.4 | | | |
| 5.5 | | | |

(selepas ini disebut sebagai *“anak-anak tersebut”* )

*(sesalinan *kad pengenalan/sijil lahir anak-anak  ditandakan sebagai ekshibit …….. )*

6. Pemohon dan Responden *tidak pernah bercerai sebelum ini/pernah bercerai sebelum ini pada ……………… di……………. dan telah diputuskan oleh Mahkamah Tinggi/Rendah Syariah ………………..

(*Sesalinan *Sijil Rujuk/Perintah Mahkamah terdahulu ditandakan sebagai ekshibit* ……… )

7. Di dalam Mahkamah yang mulia ini, saya ingin memohon perceraian dengan Responden berdasarkan alasan-alasan yang berikut:

7.1. ……………………………………………………………………………..

7.2. ……………………………………………………………………………..

7.3. ……………………………………………………………………………..
</td><td>
Nyatakan nombor bilangan Ekshibit yang dilampirkan.

Hanya diisi jika Pemohon & Responden pernah bercerai sebelum ini.
Sijil Rujuk/Perintah Mahkamah terdahulu hendaklah dilampirkan sebagai ekshibit dan nyatakan nombor bilangan ekshibit

Nyatakan alasan-alasan terhadap permohonan perceraian ini.
</td></tr>
</table>

| LAMPIRAN 4 | PENJELASAN |
|---|---|
| 8. Langkah-langkah yang telah diambil untuk mencapai perdamaian (jika ada):<br>8.1. ………………………………………………………………………………..<br>8.2. ………………………………………………………………………………..<br>8.3. ……………………………………………………………………………….. | Nyatakan usaha yang telah diambil bagi mencapai perdamaian dalam rumahtangga. Contohnya : telah menghadiri sesi kaunseling. |
| 9. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan nafkah eddah sebanyak RM ……….. sebulan dan berjumlah RM ………….. sepanjang tempoh eddah.<br><br>10. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan tempat tinggal isteri semasa eddah di ……………………………………………………………………….<br><br>11. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan nafkah *kekal/sementara anak-anak tersebut sebanyak RM………… sebulan.<br><br>12. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan tempat tinggal anak-anak tersebut adalah di ……………………………………………………………………… | Bagi perenggan **<u>No. 9 hingga perenggan No. 16</u>**, Pemohon perlu memilih sama ada:<br>i. Jika Pemohon dan Responden bersetuju terhadap perkara-perkara tersebut serta jumlahnya, Pemohon perlu memilih penyataan "*Pemohon dan Responden telah bersetuju*"…<br><br>ii. Jika pemohon dan Responden belum ada persetujuan berkaitan perkara-perkara tersebut, Pemohon boleh mencadangkan dengan memilih pernyataan "*Pemohon* |

| LAMPIRAN 4 | PENJELASAN |
|---|---|
| 13. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan Mut'ah sebanyak RM…………………. | *mencadangkan*”……. |
| 14. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan (*bayaran-bayaran lain jika ada*) sebagaimana berikut:<br>14.1. ……………………………………………………………………………<br>14.2. ……………………………………………………………………………<br>14.3. …………………………………………………………………………….<br>14.4. …………………………………………………………………………… | Contohnya : Jika suami berhutang dengan isteri dalam tempoh perkahwinan |
| 15. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan pemeliharaan dan penjagaan anak-anak (*Hadhanah*) di bawah jagaan *Pemohon/Responden sebagaimana berikut: | Hadhanah anak adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Jika tiada persetujuan bersama, Pemohon @ Responden hendaklah memfailkan tuntutan hadhanah anak-anak di Mahkamah Tinggi Syariah |

| ***Bil.*** | ***Nama anak & No. Kad Pengenalan*** | ***Pemohon / Responden*** |
|---|---|---|
| 15.1 | | |
| 15.2 | | |
| 15.3 | | |

| LAMPIRAN 4 | PENJELASAN |
|---|---|
| <table><tr><td>15.4</td><td></td><td></td></tr><tr><td>15.5</td><td></td><td></td></tr></table><br><br>16. *Pemohon dan Responden telah bersetuju/Pemohon mencadangkan pembahagian aset yang diperolehi melalui usaha bersama sebagaimana berikut:<br>16.1. ……………………………………………………………………………<br>16.2. ……………………………………………………………………………<br>16.3. ……………………………………………………………………………<br>16.4. ……………………………………………………………………………<br>(*Sesalinan dokumen hakmilik harta ditandakan sebagai ekshibit* ……… ) | Tuntutan Harta Sepencarian adalah di bawah bidangkuasa Mahkamah Tinggi Syariah. Jika tiada persetujuan bersama dan Pemohon @ Responden ingin menuntut harta yang diperolehi bersama dalam tempoh perkahwinan, Pemohon @ Responden hendaklah memfailkan tuntutan Harta Sepencarian di Mahkamah Tinggi Syariah<br><br>Jika ada persetujuan bersama @ ada cadangan pembahagian harta sepencarian, Pemohon hendaklah melampirkan salinan dokumen hakmilik harta yang disenaraikan sebagai ekshibit. (Contohnya : geran tanah, geran kereta)<br><br>Nyatakan nombor bilangan Ekshibit yang dilampirkan. |

| LAMPIRAN 4 | PENJELASAN |
| --- | --- |
| Diikrarkan oleh: }<br>…..*(nama pemohon)*…………. } *Tandatangan Pemohon*<br>No. K/P : ............................................ }<br>Pada ……. hb ………….. 202... }<br>Di Mahkamah Rendah Syariah ………….. Johor }<br><br>Di hadapan saya ;<br><br>……………………………………………<br>Hakim/Pendaftar<br>Mahkamah Rendah Syariah ……………………… | Tarikh diikrarkan di hadapan Pendaftar<br><br>Tempat permohonan dibuat<br><br>Tempat permohonan dibuat |

| LAMPIRAN 5 | PENJELASAN |
| --- | --- |
| BORANG MS 27<br>ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH (NEGERI JOHOR) 2003<br>*[Subseksyen 114(2)]*<br><br>**PENGENALPASTIAN EKSHIBIT**<br><br>DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH ..........................<br>DI NEGERI JOHOR<br>PERMOHONAN NO : | Daerah tempat permohonan dibuat<br><br>Diisi oleh Mahkamah |
| ANTARA<br>**......(*nama pemohon*)............................ ...PEMOHON**<br>**(No. KP : ...........................)**<br>DENGAN<br>**.........(*nama responden*)........................ ...RESPONDEN**<br>**(No. KP : ...........................)** | Nama & No. Kad Pengenalan Pemohon & Responden |

| LAMPIRAN 5 | PENJELASAN |
|---|---|
| Ini adalah ekhsibit bertanda '**_________ –** ' yang disebut dalam afidavit<br>………………………(*Nama Pemohon*)……………………………………………<br>yang diangkat sumpah di hadapan saya pada …… hb …………. 202.....<br><br>……………………………………<br>HAKIM/PENDAFTAR | Diisi oleh Mahkamah<br><br>Diisi oleh Mahkamah |

| LAMPIRAN 6 | PENJELASAN |
|---|---|
| *ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM NEGERI JOHOR (2003)*<br>*SEKSYEN 47(2)*<br><br>**SAMAN**<br><br>DI DALAM MAHKAMAH RENDAH SYARIAH DI.. *....JOHOR BAHRU......*<br>DI NEGERI JOHOR | Daerah tempat permohonan dibuat |
| PERMOHONAN NO :........................................... | Diisi oleh Mahkamah |
| ANTARA<br>**.........*Nama Pemohon*......................... ...PEMOHON**<br>**(No. KP : ...........................)**<br>DENGAN<br>**.........*Nama Responden*........................ ...RESPONDEN**<br>**(No. KP : ...........................)** | Nama & No. Kad Pengenalan Pemohon & Responden |
| Kepada ............*(Nama Responden..... ............................* (Responden yang dinamakan di atas) yang beralamat di ................................................................. | Nama & alamat Responden |
| Anda dengan ini disaman supaya hadir sama ada sendiri atau melalui Peguam Syarie anda di hadapan Mahkamah Rendah Syariah di ............................ Negeri Johor pada hari ............. pada .................... haribulan ............................ 20...... pukul.............................. | Diisi oleh Mahkamah |

| LAMPIRAN 6 | PENJELASAN |
|---|---|
| pagi/petang, untuk membolehkan Mahkamah menyiasat sama ada anda bersetuju atau tidak terhadap perceraian yang dimohon oleh Pemohon yang dinamakan di atas, yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam Permohonan dan Afidavit yang disertakan bersama-sama ini.<br><br>Ambil perhatian bahawa jika anda ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran anda.<br><br>Bertarikh pada ............... haribulan ........................ 20 ...........<br><br>(*Meterai*)<br><br>..............................................................<br>*Hakim/Pendaftar* | Diisi oleh Mahkamah<br><br>Diisi oleh Mahkamah |

LAMPIRAN 7

# ALAMAT MAHKAMAH SYARIAH NEGERI JOHOR

| | |
|---|---|
| **DAERAH JOHOR BAHRU**<br>Mahkamah Rendah Syariah Johor Bahru<br>Lot 259, Jalan Abu Bakar<br>80100 Johor Bahru<br>Johor | **DAERAH KLUANG**<br>Mahkamah Rendah Syariah Kluang,<br>Jalan Pejabat Kerajaan<br>86000 Kluang<br>Johor |
| **DAERAH MUAR**<br>Mahkamah Rendah Syariah Muar<br>Jalan Petrie<br>84000 Muar<br>Johor | **DAERAH KOTA TINGGI**<br>Mahkamah Rendah Syariah Kota Tinggi,<br>Lot 12404, Jalan Kolam Air<br>81900 Kota Tinggi<br>Johor |
| **DAERAH BATU PAHAT**<br>Mahkamah Rendah Syariah Batu Pahat<br>Jalan Bakau Condong<br>83000 Batu Pahat<br>Johor | **DAERAH MERSING**<br>Mahkamah Rendah Syariah Mersing,<br>Jalan Nong Yahaya<br>86800 Mersing<br>Johor |

| | |
|---|---|
| **DAERAH SEGAMAT**<br>Mahkamah Rendah Syariah Segamat,<br>Jalan Buloh Kasap<br>85000 Segamat<br>Johor | **DAERAH PONTIAN**<br>Mahkamah Rendah Syariah Pontian<br>Kompleks Pejabat Kadi dan Mahkamah Syariah,<br>Lot 6334, Jalan Parit Mesjid<br>82000 Pontian<br>Johor |
| **DAERAH TANGKAK**<br>Mahkamah Rendah Syariah Tangkak,<br>Kampung Serom 3, Sungai Mati<br>84410 Tangkak Johor | **DAERAH KULAI** |